

**Jenis Akhbar** : BH Online  
**Tarikh** : 09/10/2024  
**Edisi / Muka Surat** : <https://www.bharian.com.my/>  
**Tajuk** : Akta Koperasi 1993 akan dipinda - Ewon

## Akta Koperasi 1993 akan dipinda - Ewon



***Datuk Ewon Benedick***

KUALA LUMPUR: Akta Koperasi 1993 akan dipinda membabitkan 96 peruntukan asal dalam akta tersebut yang akan disusun semula dan ditambah baik.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick, berkata draf pindaan itu yang kini sedang disiapkan akan dibawa ke Kabinet sebelum dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat tahun hadapan.

"Kami jangkakan sebanyak 200 pindaan (peruntukan) baharu akan dimasukkan dalam akta tersebut, melibatkan perkara-perkara dasar yang telah dipersetujui.

"Pindaan-pindaan ini dibuat bagi memperkukuhkan elemen pengawalseliaan dan memastikan perundangan koperasi kekal relevan dengan persekitaran ekonomi semasa," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan (MPKK),

Beliau berkata antara peruntukan utama yang akan dimasukkan ke dalam akta itu adalah berkaitan liberalisasi perniagaan koperasi dan aspek tadbir urus termasuk kawal selia pendaftaran koperasi.

Ewon berkata draf pindaan itu dibuat berdasarkan cadangan agensi-agensi di bawah kementerian melalui kajian selidik dijalankan sebelum ini.

"Selepas ini, kita akan adakan sesi libat urus dengan koperasi-koperasi seluruh negara untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap cadangan ini sebelum dibentangkan di Parlimen," katanya.

Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat MPKK yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia Datuk Rusli Jaafar serta ketua-ketua agensi di bawah kementerian yang menyaksikan pembentangan beberapa kertas kerja termasuk cadangan penggubalan akta tersebut.

Mesyuarat itu, katanya memberi fokus kepada menentukan hala tuju pembangunan gerakan koperasi negara serta bertujuan mempertingkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, Ewon memaklumkan peluncuran Sambutan Tahun Koperasi Sedunia 2025 yang penganjurannya diketuai Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan diadakan pada Disember ini. – BERNAMA